

Headline	Motorola tawar biasiswa RM240,000	Language	MALAY
Date	26. Apr 2008	Page No	31
Media Title	Berita Harian	Article Size	199 cm2
Section	Pendidikan	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000		



Motorola tawar biasiswa RM240,000

Oleh Rosniza Mohd Taha

MOTOROLA Electronics (M) Sdn Bhd (Motorola) menawarkan biasiswa RM240,000 untuk pelajar kejuruteraan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan melanjutkan pengajian peringkat ijazah dan sarjana, tahun ini.

Pengarah Urusan Motorola Pulau Pinang, Yew Tian Tek, berkata daripada jumlah itu, RM140,000 untuk Biasiswa Motorola membabitkan RM105,000 bagi tiga pelajar melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan RM35,000 lagi lima pelajar tahun kedua dan ketiga melengkapkan pengajian ijazah pertama.

Selain itu, katanya, RM90,000 diperuntukkan untuk Anugerah Emas Motorola iaitu pengiktirafan kepada 15 pelajar tahun akhir bidang kejuruteraan yang cemerlang akademik dan kokurikulum.

"Di samping peruntukan RM10,000 bagi Hadiah Buku Motorola kepada 10 pelajar kejuruteraan tahun kedua, mereka turut ditawarkan menjalani latihan industri dengan syarikat kami pada tahun ketiga pengajian.

"Motorola terus bersaing dalam dunia perniagaan yang kini semakin mencabar dengan adanya pemimpin berbakat serta berpengalaman yang banyak menyumbangkan idea dan pakarannya mereka untuk memajukan perniagaan.

"Kita mahu memastikan ada generasi pelapis sebagai pemimpin berkaliber menerusi penawaran pelbagai biasiswa khusus untuk pelajar kejuruteraan ini," katanya pada sidang media selepas Majlis Apresiasi Motorola - Universiti 2008, di Kuala Lumpur, semalam.

Kira-kira 30 wakil 12 IPT awam dan swasta menghadiri majlis berkenaan termasuk dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kolej KDU Pulau Pinang, Universiti Monash, Universiti Multimedia (MMU), Universiti Nottingham, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas serta Universiti Tenaga Nasional.

Yew berkata, Motorola juga akan bekerjasama dengan MMU, UTM, UM dan USM bagi membolehkan kira-kira 40 jurutera syarikat itu melanjutkan pengajian peringkat sarjana di empat universiti itu setiap tahun menerusi peruntukan RM1 juta.

Beliau berkata, sasarannya lebih 20 peratus jurutera syarikat itu mempunyai kelayakan pascasiswazah dan hasrat itu akan direalisasikan menerusi kerjasama dengan empat universiti terbabit.

Terdahulu, dalam forum diadakan sempena majlis berkenaan, Yew menyifatkan kira-kira 90 peratus graduan kejuruteraan tempatan mempunyai pengetahuan teknikal tinggi, bagaimanapun perlu memperbaiki kemahiran komunikasi mereka terutama penguasaan bahasa Inggeris.

"Motorola adalah sebuah syarikat multinasional yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan ini memerlukan graduan bekerjasama dengan pakar dari pelbagai negara untuk menjalankan sesuatu projek," katanya.